

NO. SOALAN: 126

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING

TARIKH : 25 MEI 2016

RUJUKAN : 9060

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-

(a) adakah pihak Kementerian mempunyai rancangan untuk membina kompleks Kementerian Dalam Negeri di bahagian Bintulu, Sarawak yang mana tapak tanah sudah pun disediakan; dan

(b) adakah pihak Kementerian mempunyai rancangan untuk membina sebuah kompleks Pusat Tahanan Depot Imigresen di Bintulu, Sarawak.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, KDN tidak mempunyai sebarang cadangan untuk membina Kompleks KDN dan Pusat Tahanan Depot Imigresen Di Bahagian Bintulu, Sarawak. Kementerian ini bersedia untuk mempertimbangkan cadangan tersebut sekiranya wujud keperluan pada masa akan datang.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT KEDUA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' OTHMAN BIN AZIZ

TARIKH : 25 MEI2016 (RABU)

SOALAN :

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan sejauh manakah penubuhan kafe@TEEN sejak 10 tahun lalu mencapai matlamat penubuhannya sebagai pusat sehenti atau kiosk interaktif remaja dan

apakah penambahbaikan yang bakal dilakukan agar ianya dapat diperluas ke seluruh Parlimen.

**JAWAPAN : YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

Tuan Yang Di-Pertua,

Program kafe@TEEN telah dapat membantu memperkasakan golongan remaja dengan pengetahuan dan kemahiran untuk membuat pilihan bijak berhubung kesihatan reproduktif dan sosial remaja. Program ini amat diperlukan untuk membendung gejala sosial dalam kalangan remaja yang kian meningkat seperti seks bebas, rogol, kehamilan luar nikah, penyakit jangkitan seksual, pembuangan bayi, penderaan seksual dan sebagainya.

Pelbagai usaha telah dilakukan untuk memperluaskan program kafe@TEEN, antaranya dengan mewujudkan kerjasama dan rangkaian kerja yang kukuh dengan agensi luar termasuk NGO melalui konsep perkongsian bijak.

Melalui jalinan kerjasama agensi luar, Sejak tahun 2006 sehingga Februari 2016, Program *outreach* kafe@TEEN di sekolah-sekolah dan komuniti setempat ini telah berjaya mendekati seramai 476,193 orang remaja. Sebanyak 317,657 remaja dari seluruh Malaysia telah mengambil bahagian dalam program-program pendidikan dan pembangunan kemahiran, 20,353 remaja telah mendapatkan perkhidmatan kesihatan reproduktif manakala 6,064 remaja

mendapatkan perkhidmatan kaunseling sosial di Pusat Remaja kafe@TEEN.

PERLUASAN PUSAT REMAJA kafe@TEEN

Selama 10 tahun penubuhannya, Pusat Remaja kafe@TEEN di bawah Program PEKERTI, LPPKN telah mendirikan 15 buah Pusat Remaja kafe@TEEN di sepuluh (10) buah negeri iaitu Kedah, Pulau Pinang, W.P Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Kelantan, Sarawak dan Sabah. Selain daripada itu, bagi memastikan penduduk luar bandar mendapat kemudahan yang sama seperti Bandar, Pusat Remaja kafe@TEEN telah diperluaskan di *Urban Transformation Centre (UTC)* di 6 buah negeri.

Pusat Remaja kafe@TEEN telah mengorak langkah di mana pada tahun 2015 Pusat Transit kafe@TEEN secara rintis telah ditubuhkan di UTC Keramat, Kuala Lumpur bagi memenuhi keperluan penjagaan anak-anak terutama kepada kalangan pasangan dwi-kerja. Pusat ini juga bertindak dalam menyediakan perkhidmatan penjagaan alternatif bagi membantu keluarga yang terpaksa meninggalkan anak-anak mereka bersendirian apabila keluar bekerja. Dengan adanya pusat ini, masalah yang sering menimpa kanak-kanak yang ditinggal bersendirian di rumah (*latch-key kids*) seperti menjadi mangsa keganasan fizikal dan seksual atau penculikan, kemalangan dan kecederaan dapat dielakkan selain menawarkan perkhidmatan kesihatan, khidmat kaunseling serta program pendidikan dan

pembangunan kemahiran (*skills building*). Pada tahun 2016, Pusat Remaja kafe@TEEN juga bakal diperluaskan di Tawau Sabah dan Putrajaya.

KEBERHASILAN PROGRAM

Bagi menilai keberkesanan program intervensi di Pusat Remaja kafe@TEEN, Kajian "**Youth Intervention Study: Best Practices of Youth Intervention Programmes**" sedang dijalankan pada tahun 2016 oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara. Kajian ini akan mengenalpasti keberkesanan program intervensi berkaitan pendidikan kesihatan reproduktif remaja. Justeru, hasil kajian ini boleh dijadikan panduan untuk merangka penambahbaikan terhadap program intervensi Pusat Remaja kafe@TEEN dan program sedia ada, juga membantu para penggubal dasar untuk menyediakan dasar dan program yang komprehensif bagi menangani masalah tingkahlaku seksual dalam kalangan remaja Malaysia.